

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 13 MAC 2021
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5

Kajian semula PGK bukti ketelusan kerajaan

Kaedah pelbagai dimensi dapat gambaran tepat perbelanjaan, keperluan rakyat

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@nsp.com.my

Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri sedang melaksanakan kajian semula Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) susulan pandemik COVID-19 yang melanda negara setahun lalu.

Ia antara pembaharuan diperkenalkan Kerajaan Perikatan Nasional (PN) yang mengambil alih pentadbiran kerajaan setahun lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata kajian semula itu dijangka dapat diselesaikan tahun depan.

Beliau berkata, berdasarkan anggaran Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar kemiskinan di negara ini meningkat tiga peratus tahun lalu berbanding tahun sebelumnya.

"Berkaitan kategori kumpulan pendapatan, kajian dilaksanakan pada 2019 dan diumumkan tahun lalu. Kajian ini tidak merangkumi

Bentuk
MALAYSIA
PRIHATIN

apa yang berlaku tahun lalu, jika dilihat pada 2020 ketika pandemik COVID-19 hingga sekarang, sudah pasti angkanya berbeza.

Jika 2019, kadar kemiskinan 5.6 peratus, anggaran menyatakan bawaha dengan COVID-19 mungkin naik tiga peratus menjadikan 8.6 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas membangunkan pencapaian EPU dalam Setahun Malaysia Prihatin.

Menerusi PGK baru yang menggunakan kaedah pelbagai dimensi (MPI), kadar kemiskinan nasional adalah RM2,208 sebulan bagi satu isi rumah pada 2019, dengan kadar kemiskinan ialah 5.6 peratus atau seramai 405,441 isi rumah yang miskin.

Metodologi pengiraan PGK kali terakhir dikemas kini pada 2005 dan PGK pada 2016 adalah RM980 sebulan bagi satu isi rumah.

Mustapa berkata, kajian semula terhadap had PGK nasional dibuat bagi mendapat gambaran mengenai perbelanjaan dan keperluan penduduk Malaysia lebih tepat.

Beliau berkata, ia juga menunjukkan corak perbelanjaan dan

keperluan serta demografi semasa isi rumah, seiring kemajuan yang dicapai oleh negara sejak tahun berkenaan.

"Kaedah pengukuran kemiskinan dikemas kini untuk penggunaan daras serta pelaksanaan strategi yang lebih berkesan.

"Hasil daripada kajian semula dijalankan, metodologi penetapan PGK ditambah baik dalam tiga aspek iaitu konsep penetapan PGK makanan yang diperkemaskan daripada 'minimum' kepada 'optimum minimum'.

"Ia mengambil kira peningkatan kualiti item bakul makanan berdasarkan Piramid Makanan 2020 dan kumpulan makanan Panduan Diet Malaysia (PDM) 2020 selaras aktiviti fizikal harian dan kehidupan yang sihat," katanya.

Mengulas lanjut, Mustapa berkata, selain menggunakan PGK, kerajaan turut menggunakan beberapa kaedah lain dalam mengukur kemiskinan rakyat.

Satu daripadanya adalah dengan menggunakan kaedah pengukuran kemiskinan berdasarkan pelbagai dimensi yang menekankan aspek peningkatan kualiti hidup seperti kesihatan, pendidikan, perumahan, taraf hidup, akses kepada maklumat dan pendapatan bulanan isi rumah.

"Usaha tambah baik kaedah pengukuran kemiskinan ini adalah manifestasi kesungguhan, keprihatinan dan ketelusan kerajaan me-



Berpandukan statistik yang tepat, kerajaan dapat menggubal dasar dan strategi serta merangka program yang lebih sesuai, dinamik dan pragmatik untuk setiap kumpulan sasar, terutama golongan miskin.

Mustapa Mohamed,
Menteri di Jabatan Perdana
Menteri (Ekonomi)

Semakan semula pendapatan garis kemiskinan (PGK)

Perbandingan pendapatan PGK 2005 dan 2019

PERKARA	METODOLOGI PGK 2005		METODOLOGI PGK 2019	
	HIS 2016	HIS 2019	HIS 2016	HIS 2019
Nilai PGK Nasional (RM)	980	983	2,141	2,208
Kadar kemiskinan (%)	0.4	0.2	7.6	5.6
Bil. Isi rumah miskin	24,700	16,653	525,743	405,441
Kadar kemiskinan tegar (%)	0.03	0.02	0.6	0.4
Bil. Isi rumah miskin tegar	2,135	1,752	45,004	27,158

* Kaji Selidik Pendapatan Isi Rumah (HIS)

mastikan kesejahteraan rakyat.

"Berpandukan statistik yang tepat, kerajaan dapat menggubal dasar dan strategi serta merangka program yang lebih sesuai, dinamik dan pragmatik untuk setiap kumpulan sasar, terutama golongan miskin," katanya.

Sementara itu, Mustapa berkata, penauguhan pembentangan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) di Dewan Rakyat pada Ogos tahun lalu memberi peluang kepada kerajaan untuk menambahbaik dokumen berkenaan supaya selari dengan situasi semasa.

Katanya, RMKe-12 mengambil kira kesan amat besar disebabkan

oleh pandemik COVID-19 terhadap landskap ekonomi negara.

"Kita mengadakan libat urus dengan banyak pihak dan pemanggang taruh untuk mendapatkan input mengenai dokumen ini."

"Disebabkan penangguhan pembentangan dokumen ini, kita membuat penambahanbaik yang agak besar dan selain daripada COVID-19, ia turut membabitkan hal tuju baharu Kementerian."

"Kita ada beberapa dasar terkini yang digubal oleh kementerian seperti Dasar Keusihanawan Nasional dan Dasar Perpaduan Negara, yang mana sudah diambil kira dalam RMKe-12," katanya.